



## Soalan Lazim

### Pembukaan Akaun Secara *Online*

**PEMBUKAAN AKAUN SECARA *ONLINE* AGROBANK** adalah perkhidmatan platform elektronik yang membantu Pelanggan mewujudkan hubungan dengan pihak Bank. Dengan perkhidmatan ini, Pelanggan boleh menjimatkan masa dengan membuka akaun secara *online*. Ini akan dapat mengurangkan giliran menunggu di cawangan dan mengelakkan kerumitan untuk mengisi borang di Bank. Perkhidmatan ini ditawarkan kepada Pelanggan Baru dan Sedia Ada melalui Laman Web Korporat Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) daripada 4.00 pagi sehingga 12.00 tengah malam.

Pelanggan dikehendaki merujuk kepada Terma & Syarat Deposit dan Lembaran Maklumat Produk yang disediakan di Laman Web Korporat Bank di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).

#### 1. BAGAIMANA PELANGGAN BOLEH MENDAFTAR PEMBUKAAN AKAUN AGROBANK SECARA *ONLINE*?

Untuk mendaftar pembukaan akaun secara *online*, Pelanggan dikehendaki melayari Laman Web Korporat Bank [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my) dan Klik pada Banner “*Open Your Bank Account Now*”.

#### 2. BERAPAKAH MASA YANG DIPERLUKAN UNTUK MENGISI BORANG PEMBUKAAN AKAUN SECARA *ONLINE*?

Bank berusaha untuk menjadikan perkhidmatan perbankan cepat dan mudah. Bank menjangkakan permohonan pembukaan akaun secara *online* untuk mengambil masa dalam 10 sehingga 15 minit.

#### 3. SIAPAKAH YANG LAYAK MEMBUKA AKAUN SECARA *ONLINE*?

Perkhidmatan ini ditawarkan kepada warganegara Malaysia yang memegang MyKad / MyTentera yang sah sahaja yang ingin membuka akaun dengan Agrobank tanpa mengira sama ada pelanggan adalah pelanggan baru / sedia ada Bank.

#### 4. BOLEHKAH BUKAN INDIVIDU (KOPERASI) MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PEMBUKAAN AKAUN SECARA *ONLINE*?

Perkhidmatan ini hanya boleh digunakan oleh PELANGGAN INDIVIDU WARGANEGARA MALAYSIA SAHAJA. Pelanggan BUKAN INDIVIDU tidak layak menggunakan perkhidmatan ini.

#### 5. APAKAH JENIS AKAUN YANG BOLEH DIBUKA SECARA *ONLINE*?

Bank menawarkan akaun-akaun seperti yang berikut:

- Akaun Simpanan / Giro – AgroTani-*i* PLUS dan AgroPerdana-*i*
- Deposit Berjangka - AgroPrimaS
- Keahlian Sahabat Agro

#### 6. APAKAH MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN DARIPADA PELANGGAN?

Pelanggan dikehendaki memberikan Maklumat Am, Maklumat Peribadi, Maklumat Persetujuan pelanggan dan Maklumat Pembayaran.

#### 7. BOLEHKAH PELANGGAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN INI UNTUK PEMBUKAAN AKAUN BERSAMA ATAU AKAUN PEMEGANG AMANAH?

Tidak. Hanya AKAUN INDIVIDU yang ditawarkan melalui Pembukaan Akaun Secara *Online* Bank. Akaun kanak-kanak, akaun bersama, akaun pemegang amanah dan akaun bukan individu adalah tidak ditawarkan.

**8. ADAKAH PELANGGAN PERLU MEMBUAT PEMBAYARAN DEPOSIT SEKIRANYA MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN INI?**

Ya, pelanggan dikehendaki melakukan pemindahan wang secara *online* sebagai deposit permulaan bagi sebarang pembukaan akaun secara *online* sama ada bagi akaun Simpanan/ Berjangka. Berikut adalah deposit permulaan yang perlu dibayar: -

Jenis Akaun (Penyata)	Deposit Permulaan	Baki Minimum
Simpanan / Giro – a. AgroTani- <i>i</i> PLUS ii. AgroPerdana- <i>i</i>	RM50 minimum – RM200 maksimum RM100 minimum– RM200 maksimum	RM10 RM100
Deposit Berjangka – AgroPrimaS	RM500 minimum – RM1,000 maksimum	RM500

Pelanggan juga boleh merujuk kepada maklumat deposit minimum yang diperlukan dalam Terma & Syarat Deposit di [www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my).

**9. ADAKAH PELANGGAN PERLU HADIR KE CAWANGAN AGROBANK SELEPAS MELAKUKAN PERMOHONAN PEMBUKAAN AKAUN SECARA *ONLINE*?**

Ya, pelanggan dikehendaki untuk hadir ke mana-mana cawangan Bank dalam tempoh 7 hari perniagaan dari tarikh pembukaan akaun dan pembayaran deposit awal yang dibuat secara *online* untuk proses pengesahan, penciptaan dan pengaktifan akaun.

**10. APA YANG AKAN BERLAKU SEKIRANYA PELANGGAN HADIR KE CAWANGAN SELEPAS TEMPOH MASA 7 HARI KERJA?**

Tempoh sah permohonan adalah dalam masa 7 hari perniagaan daripada tarikh permohonan pembukaan akaun beserta pembayaran deposit permulaan dilakukan. Kegagalan menghadirkan diri ke cawangan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan akan menyebabkan permohonan tidak lagi sah. Deposit awal akan dikembalikan secara automatik ke akaun yang telah ditetapkan semasa permohonan *online* dilakukan. Permohonan secara *online* yang baru perlu dibuat atau pelanggan boleh hadir ke cawangan terdekat untuk pembukaan akaun di kaunter.

**11. ADAKAH PELANGGAN PERLU MEMBAWA APA-APA DOKUMEN SEMASA HADIR KE CAWANGAN?**

Pelanggan perlu membawa resit pembayaran/nombor rujukan dan dokumen yang diperlukan iaitu Kad Pengenalan seperti yang dimaklumkan melalui SMS / e-mel.

**12. APAKAN CAJ YANG AKAN DIKENAKAN SEKIRANYA PELANGGAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN INI?**

Tiada caj dikenakan kepada pelanggan bagi penggunaan perkhidmatan ini. Tetapi, sekiranya Pelanggan gagal hadir ke Cawangan dalam tempoh 7 hari bekerja, deposit awal akan dikembalikan kepada Pelanggan dan Pelanggan adalah dikenakan caj perkhidmatan seperti berikut;

- i. Bayaran sebanyak RM 0.10 sebagai bayaran perkhidmatan Interbank Giro (IBG) bagi sebarang urusan Bayaran Balik (Pengembalian Automatik / Manual).

**13. BAGAIMANA BANK MENGESAHKAN MAKLUMAT PELANGGAN UNTUK MENGELAKKAN PENIPUAN?**

Dengan memberikan butiran untuk pembukaan akaun secara *online*, pelanggan memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank untuk melakukan pencarian ke atas pelanggan (pemeriksaan latar belakang *Anti Money Laundering/Counter Financing Terrorism and Proceed of Unlawful Activity (AML / CFT)*, Kebankrapan, Senarai Hitam). Bank mempunyai hak untuk menolak sebarang permohonan pembukaan akaun yang melanggar mana-mana polisi produk seperti yang dinyatakan dalam Terma & Syarat Akaun Deposit dan Lembaran Maklumat Produk.

**14. ADAKAH PEMBUKAAN AKAUN SECARA DALAM TALIAN TERTAKLUK KEPADA PEMBAYARAN KEUNTUNGAN?**

Pengiraan hibah / keuntungan (jika ada), akan mula dikira dari tarikh akaun dibuat dan diaktifkan di cawangan Bank.

**15. ADAKAH PELANGGAN AKAN MENERIMA PENGESAHAN PEMBUKAAN AKAUN?**

Permohonan akan disahkan melalui e-mel pada hujung hari perniagaan berikutnya. Pada halaman akhir permohonan pembukaan akaun secara *online*, pelanggan akan diberikan resit. Pelanggan boleh mencetak dan menyimpan resit untuk rekod melalui halaman tersebut. Setelah deposit awal selesai, pengesahan akan dihantar kepada pelanggan melalui SMS dan e-mel dengan tarikh yang tepat untuk pelanggan menghadirkan diri ke cawangan dengan maklumat berikut:

- No. rujukan:
- Nama:
- No. MyKad:
- Jenis Akaun:
- Jumlah Deposit Dibayar:

**16. BILA PELANGGAN BOLEH HADIR KE CAWANGAN?**

- Untuk pemindahan wang berjaya sebelum atau pada pukul 9.00 pagi, Bank akan menerima pemindahan wang pada 5.00 petang hari perniagaan yang sama. Pelanggan boleh menghadirkan diri ke cawangan pada hari perniagaan berikutnya (T + 1).
- Untuk pemindahan wang yang berjaya antara 9.01 pagi sehingga 3.00 petang, Bank akan menerima pemindahan wang pada 11.00 malam hari perniagaan yang sama. Pelanggan boleh menghadirkan diri ke cawangan pada hari perniagaan berikutnya (T + 1).
- Untuk pemindahan wang berjaya selepas pukul 3.00 petang, Bank akan menerima pemindahan wang pada 5.00 petang pada hari perniagaan berikutnya (T + 2). Oleh itu, pelanggan boleh menghadirkan diri ke cawangan selepas 2 hari perniagaan.

**17. ADAKAH PELANGGAN AKAN MENERIMA PENYATA BAGI PEMBUKAAN AKAUN SECARA ONLINE?**

Ya. Pembukaan Akaun Secara *Online* Agrobank adalah akaun berasaskan penyata. Bagi akaun deposit, pelanggan akan menerima penyata seperti yang dijadualkan melalui pos. Pelanggan juga boleh merujuk *e-Penyata*. Pelanggan boleh mendaftar platform perbankan internet Bank - AGRONET untuk perkhidmatan penyata secara percuma.

**18. BAGAIMANA PELANGGAN BOLEH MENGHUBUNGI BANK UNTUK SEBARANG PERTANYAAN LANJUT?**

Sekiranya Pelanggan mempunyai pertanyaan lanjut, sila layari mana-mana cawangan Bank atau sila hubungi Bank di:

Agrobank, Pengurusan Hubungan Pelanggan, Bangunan Agrobank, Leboh Pasar Besar, Peti Surat 10815, 50726 Kuala Lumpur.

- Tel: 1-300-88-2476 • Faks: 603-2691 7790 • E-mel: customer@agrobank.com.my

Terima Kasih